

28 OCT 1997

Sulaiman-Makanan

TAMBAH PENGELUARAN MAKANAN DAN IMPORT ALTERNATIF UNTUK ATASI INFLASI

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan meningkatkan pengeluaran hasil tanaman tempatan dan beralih kepada punca bekalan makanan yang lebih murah bagi menampung kos import makanan yang meningkat akibat kejatuhan ringgit.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud berkata langkah itu perlu diambil kerana nilai import makanan negara yang melebihi RM9 bilion setahun akan meningkat kerana bayaran dibuat menggunakan Dollar Amerika Syarikat.

"Makanan yang diimport sudah tentu meningkat harganya dan ini akan menimbulkan masalah inflasi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah Khidmat Cemerlang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di sini hari ini.

"Keadaan ini jika tidak dibendung sudah tentu akan memburukkan imbalan pembayaran negara," katanya.

Menurut beliau, kerajaan telah mengenal pasti tiga kawasan di Kedah yang bakal dijadikan ladang pelbagai tanaman yang akan diusahakan secara intensif menggunakan teknologi canggih dan peralatan moden.

Idea untuk mengadakan ladang berkelompok sedemikian yang dicetus Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan perubahan besar dalam sektor pertanian negara, kata beliau.

Dr Sulaiman berkata, dua pakar dari luar negara telah menjalankan kajian awal di ketiga-tiga kawasan tersebut -- Kubang Pasu, Kuala Nerang dan Baling -- dan akan mengadakan kajian susulan Disember depan.

"Kita berharap projek pertama akan bermula secepat mungkin sebelum dikembangkan ke seluruh negara," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata projek yang akan melibatkan sekurang-kurangnya kawasan seluas 4,000 hektar itu tidak akan dilaksanakan secara terburu-buru kerana ia melibatkan banyak pihak termasuk kerajaan negeri dan pemilik tanah persendirian.

Selain itu, beberapa agensi termasuk Fama telah diarahkan untuk mencari punca bekalan makanan yang lebih murah tanpa menggunakan pertukaran Dollar seperti Indonesia dan Thailand bagi membendung inflasi.

Terdahulu, Dr Sulaiman menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 90 kakitangan Fama. Turut hadir pada majlis itu pengerusi Fama Datuk Badaruddin Amiruddin yang juga Anggota Parlimen kawasan Yan. -- BERNAMA

HJ NMO